

**PERSEPSI PELAJAR TAHUN AKHIR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH TERHADAP  
LAMARAN RANGKAIAN SOSIAL UNTUK  
MENCARI PEKERJAAN**



**NATASHA NABILLA BINTI AHMAD  
BA19110633**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**PERSEPSI PELAJAR TAHUN AKHIR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH TERHADAP  
LAMARAN RANGKAIAN SOSIAL UNTUK  
MENCARI PEKERJAAN**

**NATASHA NABILLA BINTI AHMAD  
BA19110633**



**LATIHAN ILMIAH INI DISERAHKAN BAGI  
MEMENUHI KEPERLUAN PENGIJAZAHAN  
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL  
DENGAN KEPUJIAN DALAM BIDANG  
HUBUNGAN INDUSTRI**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

## PENGAKUAN PELAJAR

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri yang bertajuk Persepsi Pelajar Tahun Akhir Universiti Malaysia Sabah Terhadap Laman Rangkaian Sosial untuk Mencari Pekerjaan, kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 OGOS 2022



---

NATASHA NABILLA BINTI AHMAD

BA19110633



UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN PENYELIA

Latihan ilmiah bertajuk "Persepsi Pelajar Tahun Akhir Universiti Malaysia Sabah Terhadap Laman Rangkaian Sosial untuk Mencari Pekerjaan" yang disediakan oleh Natasha Nabilla binti Ahmad BA19110633 ini adalah bagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian Hubungan Industri, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan Oleh:



Dr. Kee Y. Sabariah binti Kee Mohd Yussof

Penyelia Latihan Ilmiah

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Malaysia Sabah.

Tarikh: 12 OGOS 2022

## PENGHARGAAN

# بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur Alhamdulillah ke atas limpahan kurnia yang diberikan oleh-Nya dapat juga saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan jayanya bagi memperoleh Ijazah Sarjana. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia utama saya iaitu Dr. Kee. Y. Sabariah bte Kee Mohd Yusof yang telah memberikan saya pelbagai tunjuk ajar yang mendalam serta dorongan beliau sepanjang saya menyiapkan latihan ilmiah ini. Beliau telah menjadi penyebab utama saya dapat melengkapkan tugas ini tepat pada masanya. Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa saya iaitu Ahmad bin Nawawi dan Nurfarahin Abdullah serta adik beradik saya yang tersayang yang banyak memberikan sokongan dari pelbagai bentuk seperti doa, nasihat, panduan dan kemudahan yang saya gunakan sepanjang menyiapkan latihan ilmiah ini. Tidak dilupakan juga ucapan penghargaan yang harus diberikan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan membantu menjawab segala persoalan yang pernah saya kemukakan kepada mereka sewaktu menyiapkan tugas ini. Seterusnya, jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada informan saya yang juga banyak membantu saya untuk memperolehi data kajian ini yang terdiri daripada pelajar tahun akhir dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS. Akhir kata, jutaan terima kasih sekali lagi kepada sesiapa sahaja yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang saya menyempurnakan kajian ini. Semoga atas bantuan dan kerjasama yang pernah diberikan kepada saya akan mendapat pelbagai kebaikan dan ganjaran yang lebih baik daripada-Nya.

Sekian dan terima kasih.



---

**NATASHA NABILLA BINTI AHMAD**

**BA19110633**

**12 OGOS 2022**

## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui laman rangkaian sosial yang digunakan oleh pelajar tahun akhir FPEP, UMS sebagai medium untuk mencari pekerjaan serta mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar tahun akhir FPEP, UMS dalam menggunakan media sosial sebagai medium mencari pekerjaan di samping mengkaji persepsi pelajar tahun akhir FPEP, UMS terhadap penggunaan media sosial dalam mencari pekerjaan. Kajian ini melibatkan seramai 4 orang informan yang terdiri daripada pelajar tahun akhir dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah. Keempat-empat informan tersebut berumur 25 tahun yang kini aktif menggunakan laman rangkaian sosial apabila ingin mencari kerja secara atas talian. Bagi memudahkan kajian ini, kaedah pendekatan yang digunakan ialah kaedah pendekatan kualitatif dengan bersertakan persampelan bertujuan untuk memperoleh maklumat daripada informan dengan lebih mendalam dan terperinci. Pengkaji telah menggunakan teknik temu bual untuk mendapatkan data bagi melengkapkan hasil dapatan kajian. Kemudian, data dianalisis seterusnya ditranskripikan dari alat perakam suara kepada ayat yang sesuai dalam bentuk akademik ke atas helaian kertas. Hasil data yang diperolehi telah menunjukkan bahawa medium rangkaian sosial yang digunakan oleh pelajar tahun akhir terdiri daripada *Facebook, LinkedIn, Instagram, Google* dan *Whatsapp*. Manakala, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar tahun akhir dalam menggunakan media sosial sebagai medium mencari pekerjaan ialah iklan palsu, jaminan keselamatan maklumat peribadi, diskriminasi pemilihan calon, persaingan, kurang kepakaran menggunakan media sosial dan keperluan berbahasa Cina. Akhir sekali, persepsi pelajar tahun akhir terhadap medium yang digunakan untuk mencari kerja ialah berkesan, memberi ancaman keselamatan (kerisauan tentang data peribadi) serta menjimatkan kos dan masa.

***Kata kunci:*** *pelajar tahun akhir, laman rangkaian sosial, cabaran rangkaian sosial, persepsi pelajar tahun akhir*

## **ABSTRACT**

### ***PERCEPTION OF FINAL YEAR STUDENTS OF UNIVERSITY MALAYSIA SABAH TOWARDS JOB SEEKING USING SOCIAL NETWORKING SITES.***

*This study aims to find out the social networking sites used by final year students of FPEP, UMS as a medium to find jobs as well as to identify the challenges faced by final year students of FPEP, UMS in using social media as a medium of job seeking. This research also aims to studying the perception of final year students of FPEP, UMS on the use of social media to finding a job. This study involves a total of 4 informants which consists of final year students from the Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah. The four informants are 25 years old and currently active in using social networking sites when seeking for a job. In order to facilitate this study, the approach method used is a qualitative approach by using a sampling approach aimed at obtaining more in-depth and detailed information. The researcher has used the interview technique to obtain data to complete the results of the study. Next, the data is analyzed and then transcribed from the voice recorder into appropriate sentences in an academic form on a sheet of paper. The results of the data obtained have shown that the social media networks used by final year students consist of Facebook, LinkedIn, Instagram, Google and Whatsapp. Meanwhile, the challenges faced by final year students in using social media as a medium to find a job are false advertisements, personal security guarantees, discrimination in the selection of information, competition, lack of expertise in using social media and the need to speak in Chinese language. Finally, final year students' perception of the medium used to find work is effective, provides security threats (concern about personal data) and saves cost and time.*

**Keywords:** *final year students, social networking sites, challenges of networking sites, perception of final year students*

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>PENGAKUAN PELAJAR</b>	<b>ii</b>
<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b><i>ABSTRACT</i></b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Skop Kajian	9
1.8 Definisi Operasional	9
1.8.1 Media sosial	9
1.8.2 Laman rangkaian sosial	9
1.8.3 Pelajar	10
1.8.4 Cabaran	10
1.8.5 Persepsi	10
1.9 Susunan Bab	10
1.10 Kesimpulan	12
<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR</b>	<b>13</b>
2.1 Pengenalan	13
2.2 Konsep Pencari Kerja	13



2.2.1	Pelajar Tahun Akhir	14
2.3	Konsep Media Sosial	15
2.4	Laman rangkaian sosial	17
2.4.1	Twitter	19
2.4.2	Facebook	19
2.4.3	Blogs	20
2.4.4	Youtube	21
2.4.5	LinkedIn	21
2.5	Cabaran pencari kerja dalam menggunakan media sosial sebagai alat mencari kerja	22
2.5.1	Pengiklanan Palsu	23
2.5.2	Jaminan Keselamatan Maklumat Peribadi	24
2.5.3	Diskriminasi Pemilihan Calon	25
2.6	Persepsi terhadap medium yang digunakan untuk mencari kerja	26
2.6.1	Berkesan untuk Mencari Pekerjaan	26
2.6.2	Ancaman Keselamatan (Kerisauan tentang data peribadi)	27
2.7	Kerangka Konseptual Kajian	28
2.8	Kesimpulan	28
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>		<b>30</b>
3.1	Pengenalan	30
3.2	Reka Bentuk Kajian	30
3.2.1	Pendekatan Kaedah Kajian Kualitatif	31
3.2.2	Lokasi Kajian	31
3.3	Teknik Persampelan	32
3.3.1	Persampelan Bertujuan	33
3.4	Prosedur Pengumpulan Data	34
3.4.1	Temu Bual	34
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	36
3.5.1	Pengumpulan Data Primer	36
3.5.2	Pengumpulan Data Sekunder	37
3.6	Analisis Data	38
3.6.1	Analisis Tematik	38
3.6.2	Pengekodan	38

3.6.3	Tema dan Kod	39
3.7	Kesimpulan	41
<b>BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>		<b>42</b>
4.1	Pengenalan	42
4.2	Latar Belakang Informan	42
4.3	Laman rangkaian sosial yang digunakan oleh pelajar tahun akhir sebagai tempat untuk mencari pekerjaan	44
4.4	Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar tahun akhir dalam menggunakan laman rangkaian sosial sebagai medium mencari pekerjaan	46
4.4.1	Iklan Palsu	46
4.4.2	Jaminan Keselamatan Maklumat Peribadi	48
4.4.3	Diskriminasi Pemilihan Calon	52
4.4.4	Persaingan	56
4.4.5	Kurang Kepakaran Menggunakan Media Sosial	58
4.5	Persepsi pelajar tahun akhir terhadap medium yang digunakan untuk mencari kerja	60
4.5.1	Berkesan	60
4.5.2	Ancaman keselamatan (Kerisauan Tentang Data Peribadi)	63
4.5.3	Menjimatkan Masa dan Kos	66
4.6	Rumusan	69
<b>BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN</b>		<b>70</b>
5.1	Pengenalan	70
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	70
5.3	Perbincangan dan Objektif Kajian	71
5.3.1	Objektif Pertama: Laman rangkaian sosial yang digunakan oleh pelajar tahun akhir sebagai medium untuk mencari pekerjaan.	71
5.3.2	Objektif Kedua: Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar tahun akhir dalam menggunakan media sosial sebagai medium mencari pekerjaan.	73
5.3.3	Objektif Ketiga: Persepsi pelajar tahun akhir terhadap penggunaan media sosial dalam mencari pekerjaan.	80

5.4	Perkembangan Analisis Kerangka Konseptual dan Dapatan Kajian	84
5.5	Implikasi Kajian	85
5.5.1	Teoritikal	85
5.5.2	Metod	85
5.5.3	Praktikal	87
5.6	Limitasi Kajian	88
5.6.1	Penyelidik/ Pengkaji	89
5.6.2	Mahasiswa/ Mahasiswi	90
5.6.3	Kajian akan datang	90
5.7	Kesimpulan	91
	<b>RUJUKAN</b>	<b>92</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>101</b>



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1: Senarai temu bual yang dijalankan dengan pelajar tahun akhir FPP, UMS	33
Jadual 4.1: Demografi Responden	43



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Jenis laman rangkaian sosial	18
Rajah 2.2: Kerangka Konseptual	28
Rajah 3.1: Mengetahui laman rangkaian sosial yang digunakan oleh pelajar tahun akhir sebagai tempat untuk mencari pekerjaan	39
Rajah 3.2: Mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar tahun akhir dalam menggunakan laman rangkaian sosial sebagai medium mencari pekerjaan	40
Rajah 3.3: Mengkaji persepsi pelajar tahun akhir terhadap medium yang digunakan untuk mencari kerja	40
Rajah 5.1: Analisis Kerangka Konseptual dan Dapatan Kajian	84



UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

- CV** - *Curricular Vitae*
- FPP** - Fakulti Psikologi dan Pendidikan
- IT** - *Information Technology*
- KK** - Kota Kinabalu
- UMS** - Universiti Malaysia Sabah



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pengenalan**

Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan mengenai kajian yang akan dijalankan secara menyeluruh. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji persepsi pelajar tahun akhir terhadap medium yang digunakan untuk mencari kerja. Bukan itu sahaja, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar tahun akhir dalam menggunakan laman rangkaian sosial sebagai medium mencari pekerjaan. Seperti yang kita telah sedia maklum, laman rangkaian sosial kini dianggap sebagai laman web paling banyak digunakan di Internet. Mereka menawarkan cara untuk berkomunikasi dengan menggunakan jaringan peribadi yang luas serta menyediakan peluang pekerjaan untuk pencari kerja. Lebih menarik lagi, laman rangkaian sosial juga menjadi alat yang semakin berguna terutamanya kepada pihak dalam pengurusan sumber manusia untuk tujuan mengiklankan peluang pekerjaan dan mencari maklumat mengenai pencari kerja dengan kaedah yang lebih efektif dan efisien terutamanya dari segi kos dan masa. Stopfer dan Gosling (2013) menjelaskan bahawa sebilangan besar pencari kerja dan pengurus sumber manusia menggunakan laman rangkaian sosial hari ini secara meluas.

Pencarian kerja menggunakan platform Internet adalah merupakan fenomena yang sangat umum terutamanya di kalangan mahasiswa (Alsultanny &

Alotaibi, 2015). Menurut Ekanayaka dan Gamage (2019), secara umumnya pencari kerja mempunyai dua kategori iaitu aktif dan pasif. Kategori pencari kerja aktif merupakan individu yang tidak berpuas hati dan kurang berkemampuan untuk bekerja manakala pencari kerja pasif pula ialah individu yang telah mendapatkan pekerjaan yang baik tetapi masih akan memohon kerja sekiranya mereka melihat bahawa pekerjaan itu adalah kerja yang diminati. Melalui penjelasan ini, dapatlah dilihat bahawa pencari kerja pasif adalah lebih berkualiti berbanding pencari kerja aktif. Selanjutnya, dalam bab ini, pengkaji turut membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan penggunaan laman rangkaian sosial untuk mencari kerja secara atas talian dalam kalangan pelajar tahun akhir dengan membincangkan berkenaan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan juga definisi operasional yang juga digunakan dalam kajian ini.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Laman rangkaian sosial yang pertama muncul pada akhir tahun 1990-an dan penggunaannya menjadi semakin berkembang pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini (Boyd & Ellison, 2007). Laman rangkaian sosial juga telah menjadi cara baru bagi tujuan bersosial, berhubung dan berinteraksi antara satu sama lain. Menurut Lin dan Lu (2011) juga, media sosial dan laman rangkaian sosial telah menjadi trend sosial dalam kalangan masyarakat. Masyarakat pada masa kini menggunakan laman web ini untuk terus berhubung dengan rangkaian semasa mereka atau berinteraksi dengan orang baru (Lin & Lu, 2011). Oleh itu, sehingga ke hari ini masyarakat menggunakan teknologi baru dan telah mengubah cara orang berkomunikasi, berbincang, berkongsi maklumat, bekerja dan tren rangkaian sosial turut berubah secara perlahan-lahan. Pendapat Nikolaou (2014) mengatakan bahawa platform rangkaian sosial yang telah berkembang menjadi laman web yang paling banyak dikunjungi di Internet adalah tidak mengejutkan dan rangkaian sosial tersebut masih akan terus berkembang serta mengubah kehidupan seharian kita. Justeru itu, melalui media sosial dan platform rangkaian sosial, perhubungan rangkaian menjadi semakin global (Lin & Lu, 2011).

Pasaran buruh merupakan satu lagi proses yang telah dipengaruhi oleh platform laman rangkaian sosial dan perlahan-lahan berubah menyesuaikan diri



dengan informasi teknologi baru (Montuschi et., 2014). Menurut Feldman dan Klaas (2002), Internet merupakan teknologi pertama yang telah membuka dan mengubah pasaran buruh lebih luas berbanding sebelumnya. Penggunaan platform rangkaian sosial untuk organisasi adalah alat yang berkesan dalam mengenal pasti pakar dan bakal rakan sekerja di luar organisasi (Rowley, 2014). Hal ini termasuklah pencari kerja di pasaran buruh kerana banyak lagi peluang pekerjaan dapat dilihat secara atas talian dan platform rangkaian sosial juga membantu pencari kerja mencari peluang pekerjaan di kawasan geografi yang lebih luas (Suvankulov, Chi Keung Lau & Ho Chi Chau, 2012).

Pencari kerja dan perekrut pekerja mendapati bahawa platform rangkaian sosial merupakan platform yang lebih menjimatkan kos dan menjimatkan masa berbanding kaedah rangkaian tradisional (Fountain, 2005). Platform tersebut bukan sahaja menjimatkan kos dan masa, malah juga dapat memudahkan pencari kerja untuk menghubungi dan mencari maklumat lanjut mengenai bakal majikan mereka. Albrecht (2011) membincangkan dalam penyelidikannya bahawa walaupun graduan kolej, platform rangkaian sosial mampu berfungsi sebagai alat yang berkesan dalam perhubungan dengan dunia perniagaan secara atas talian dan berpotensi dalam meningkatkan peluang mereka dalam mencari pekerjaan secara meluas. Utz (2015) menjelaskan bahawa satu lagi platform rangkaian sosial yang terkenal dan hampir dengan penggunaan seperti *Facebook* adalah *LinkedIn*. Perbezaannya ialah *LinkedIn* merupakan sebuah platform rangkaian sosial yang lebih profesional dan memfokuskan kepada jalan kerjaya manakala, *Facebook* pula lebih kepada kehidupan seharian atau peribadi. *LinkedIn* membolehkan pengguna untuk berkongsi resume mereka dan berhubung dengan orang lain (Utz, 2015). Nikolaou (2014) turut menyatakan bahawa pada masa kini, banyak pencari kerja menggunakan laman rangkaian sosial untuk mencari lebih banyak peluang pekerjaan berbanding kaedah tradisional. Bukan itu sahaja, sesetengah syarikat juga menggunakan laman rangkaian profesional yang mampu menjangkau khalayak yang lebih besar dan bakal pekerja masa depan (Citrome 2015; Utz 2015).

Namun begitu, penggunaan media sosial yang semakin meluas ini secara tidak langsung telah menimbulkan beberapa peluang dan cabaran bukan sahaja kepada majikan, tetapi juga kepada pencari kerja. Sebilangan besar individu mempunyai satu atau dua akaun di laman rangkaian sosial yang digunakan untuk

mencari pekerjaan pada hari ini (Rana & Singh, 2016). Keadaan ini telah menjadi kebiasaan di sebahagian daripada kehidupan seharian terutamanya di kalangan pelajar universiti (Bicky & Kwok, 2011). Media sosial sangat luas sehingga mampu menawarkan kepantasan, kecekapan dan kemampuan untuk menarik calon atau tenaga kerja yang sesuai terutamanya dalam proses pengambilan pekerja. Internet telah mengubah seluruh dunia dalam pelbagai aspek sama ada komersial dan juga peribadi. Laman media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *LinkedIn* dan sebagainya adalah antara media komunikasi yang semakin berkembang dan dikatakan telah digunakan sebagai alat untuk pengambilan pekerja yang berkesan di seluruh dunia. Sehingga ke hari ini, peningkatan impak media sosial telah membuka minat pencari kerja dalam menggunakan laman rangkaian sosial sebagai alat pencarian kerjaya mereka. Laman web seperti ini memberi peluang kepada pencari kerja termasuklah para graduan untuk melayari pelbagai laman sosial ketika ingin mencari pekerjaan yang sesuai untuk mereka.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

#### **Praktikal**

Apabila inovasi teknologi baru telah diperkenalkan, maka terdapat perubahan dalam dunia sosial di mana orang ramai perlu menyesuaikan diri mereka. Oleh itu, orang ramai perlu mengetahui tentangnya dengan cara yang paling berkesan. Laman media sosial ini merupakan bahagian penting dalam kehidupan pelajar dan sering diakses berkali-kali setiap hari (Junco et al., 2010). Kebanyakan pelajar atau graduan mempunyai kemudahan digital yang memudahkan mereka untuk mendapatkan pelbagai maklumat. Keadaan ini bersesuaian dengan ayat yang sering disebut iaitu "maklumat kini berada di hujung jari". Kepelbagaian maklumat itu juga menjadi semakin mudah apabila hampir kebanyakan daripada mereka tahu menggunakan media sosial dan celik IT.

Sosial media bukan sahaja banyak digunakan oleh pencari kerja, tetapi juga digunakan dalam kalangan pengamal sumber manusia. Banyak organisasi yang menggunakan Internet untuk pengambilan pekerja (Rana & Singh, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana semakin banyak syarikat yang telah menjurus ke arah Revolusi Industri 4.0 yang akhirnya mendorong kepada penggunaan teknologi

terutamanya dalam pekerjaan. Terdapat peralihan dalam pengurusan sumber manusia di mana laman rangkaian sosial kini dilihat sebagai alat untuk mengendalikan perekrutan dalam organisasi. Salah satu faktornya adalah mungkin untuk penjimatan kos dan masa kedua-dua pihak.

### **Teoritikal**

Ramai pengkaji yang memberikan tumpuan kepada penyelidikan mengenai rangkaian dan cara kita harus menggunakan platform rangkaian sosial (Stopfer & Gosling, 2013). Pada masa ini, hanya segelintir kajian telah dilakukan mengenai penggunaan laman rangkaian sosial untuk mencari kerja secara atas talian kerana ini masih merupakan bidang kajian yang sangat baru, sama ada di peringkat nasional dan antarabangsa (Masa'd, 2015). Kajian terdahulu ada menyatakan bahawa laman rangkaian sosial adalah alat yang digunakan secara meluas untuk mencari pekerjaan (Lin & Lu, 2011) dan salah satu faktor utama mereka menyertai laman rangkaian sosial adalah kerana mereka ingin mencari dan mendapatkan peluang pekerjaan (Stopfer & Gosling, 2013).

Secara umumnya, laman rangkaian sosial merupakan medium yang sangat luas dan tidak dapat dinafikan telah wujud pelbagai cabaran terhadap penggunaannya. Walaupun terdapat peningkatan bilangan dalam penggunaan laman rangkaian sosial untuk mencari kerja sejak beberapa tahun, penyelidikan mengenai media sosial untuk mencari kerja adalah masih terhad. Kajian juga menunjukkan bahawa platform rangkaian sosial adalah merupakan alat yang telah digunakan secara meluas terhadap pencarian kerja walaupun sangat sedikit yang menyebut mengapa platform rangkaian sosial sangat berharga untuk pencari kerja.

Daripada kajian dahulu, jelas menunjukkan terdapat jurang besar terhadap fenomena baru ini mengenai topik mencari kerja dengan menggunakan medium laman rangkaian sosial dari perspektif pencari kerja. Kajian terdahulu banyak melakukan penyelidikan mengenai laman rangkaian sosial tetapi hanya memberi tumpuan kepada perspektif majikan. Namun begitu, ramai pengkaji yang menyatakan akan kepentingannya.

## **Metod**

Bukan itu sahaja, kebanyakan kajian lepas tersebut sering menggunakan kaedah kuantitatif. Pada kajian kali ini, pengkaji akan memberi tumpuan kepada kajian yang menggunakan kaedah kualitatif. Oleh yang demikian, kajian mengenai bidang ini perlu dijalankan untuk memenuhi keperluan terutamanya yang berkaitan dengan cabaran penggunaan laman rangkaian sosial dan pencarian kerja menggunakan laman rangkaian sosial dari persepsi pencari kerja yang difokuskan kepada pelajar tahun akhir dengan menggunakan kaedah kualitatif. Subjek kajian difokuskan kepada pelajar tahun akhir kerana mereka amat relevan dengan kajian ini yang mana kini mereka sedang berada di fasa-fasa mencari kerja kerana baru sahaja menamatkan pengajian di waktu pandemik ini.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan kajian dan masalah sebelumnya yang sudah dinyatakan dalam permasalahan kajian, terdapat jurang yang telah menarik perhatian pengkaji untuk dikaji kerana laman rangkaian sosial telah menjadi perbincangan yang berterusan dan pencarian pekerjaan adalah salah satu bahagian yang penting kepada kehidupan setiap orang bagi menyara kehidupan seharian mereka. Platform media sosial dan laman rangkaian sosial ini adalah penggunaan baru yang dicari dan digunakan oleh pencari kerja terutamanya kepada pelajar tahun akhir universiti. Oleh itu, penyelidikan dalam topik ini adalah relevan untuk dipelajari terutamanya dalam era teknologi moden ini. Bagi mencuba untuk mengisi jurang kajian tersebut, persoalan kajian yang akan dikemukakan ini akan dijawab dalam penyelidikan ini. Sehubungan dengan itu, sebanyak tiga persoalan kajian yang telah dikemukakan seperti berikut untuk menjadi panduan kepada pelaksanaan kajian ini.

- a) Apakah laman rangkaian sosial yang digunakan oleh pelajar tahun akhir untuk mencari pekerjaan?
- b) Apakah cabaran yang dihadapi oleh pelajar tahun akhir dalam menggunakan laman rangkaian sosial sebagai medium mencari pekerjaan?

- c) Apakah persepsi pelajar tahun akhir terhadap medium yang digunakan untuk mencari kerja?

### **1.5 Objektif Kajian**

Penyelidikan ini dijalankan agar dapat memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai penggunaan laman rangkaian sosial untuk mencari kerja khususnya di kalangan pelajar tahun akhir. Seperti yang telah dibincangkan dalam permasalahan kajian, terdapat keperluan untuk melakukan kajian lanjutan mengenai topik khusus ini. Penyelidikan sebelum ini telah menyatakan bahawa pentingnya bagaimana laman rangkaian sosial telah mengubah pasaran buruh menjadi masyarakat yang bermaklumat yang lebih global. Sejajar dengan tiga persoalan kajian yang dikemukakan, di sini dijelaskan tiga objektif yang dibentuk terus untuk dijadikan sebagai arah kepada hala tuju perjalanan kajian ini iaitu:

- a) Mengetahui laman rangkaian sosial yang digunakan oleh pelajar tahun akhir FPP, UMS sebagai medium untuk mencari pekerjaan.
- b) Mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar tahun akhir FPP, UMS dalam menggunakan media sosial sebagai medium mencari pekerjaan.
- c) Mengkaji persepsi pelajar tahun akhir FPP, UMS terhadap penggunaan media sosial dalam mencari pekerjaan.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Penyelidikan ini diharap dapat memberikan nilai yang besar kepada semua pelajar yang mencari pekerjaan bagi membolehkan diri mereka dapat memperoleh sesuatu pekerjaan yang diinginkan. Setiap kajian yang dilaksanakan perlu mempunyai signifikan dan kepentingannya yang tersendiri agar dapat memastikan bahawa kajian yang dilaksanakan itu dapat memberikan sesuatu faedah dalam bidang ilmu terutamanya kepada pembacanya. Selain itu, kajian ini juga penting untuk keunikan matlamat dan kepentingan dalam rangkaian luas pencari kerja serta pasaran pekerjaan. Perkara ini ditekankan agar pihak yang berkepentingan boleh mendapatkan saluran dan maklumat yang betul mengenai laman rangkaian sosial yang sesuai untuk mencari sesuatu kerja. Apabila penyelidikan ini dijalankan,

pengkaji akan dapat membantu pelajar tahun akhir universiti untuk menggunakan dengan lebih banyak laman rangkaian sosial secara efektif dan efisien agar peluang pekerjaan akan lebih terbuka dengan luas ketika mereka ingin mencari pekerjaan setelah habis belajar.

Akibat keluasan internet yang tiada batasan ini, tidak dapat dinafikan bahawa wujud pelbagai cabaran yang dihadapi terutamanya apabila ingin mencari pekerjaan. Oleh yang demikian, penyelidikan dalam bidang topik ini akan mampu membantu pelajar tahun akhir Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu untuk mengatasi pelbagai cabaran yang mendatang lebih-lebih lagi pada era globalisasi ini. Bukan itu sahaja, kajian ini juga dilakukan agar dapat memperluas ruang lingkup mengenai pemahaman laman rangkaian sosial sebagai alat mencari kerja dalam konteks pelajar tahun akhir di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS, Kota Kinabalu.

Akhir sekali, penyelidikan ini penting agar mampu menawarkan maklumat yang unik berkenaan dengan penggunaan laman rangkaian sosial dalam pencarian pekerjaan dan secara tidak langsung, maklumat yang unik itu akan menyumbang kepada idea-idea lebih dalam untuk menjalankan kajian yang lebih lanjut pada masa hadapan. Penyelidikan yang dijalankan ini diharapkan dapat memberikan asas pengetahuan yang kukuh mengenai fenomena yang sangat kompleks ini yang mana persepsi pelajar tahun akhir di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS, KK dalam menggunakan laman rangkaian sosial sebagai medium untuk mencari pekerjaan. Bukan itu sahaja, penyelidikan ini juga dapat digunakan oleh para profesional sumber manusia yang ditugaskan untuk membantu orang muda mencari pekerjaan dengan menggunakan laman rangkaian sosial.

Secara keseluruhannya, topik yang belum banyak diterokai ini memberikan peluang penyelidikan yang menarik kepada ahli akademik yang berminat untuk mengkaji cabaran dan persepsi pelajar tahun akhir terhadap penggunaan laman rangkaian sosial dalam mencari pekerjaan. Secara keseluruhannya, kajian ini boleh digunakan dalam konteks pencarian pekerjaan secara atas talian.

## **1.7 Skop Kajian**

Skop kajian ini berfokuskan kepada pelajar tahun akhir di Universiti Malaysia Sabah. Mereka juga terdiri daripada pelajar yang berumur 25 tahun dari Program Psikologi Kaunseling di Fakulti Psikologi dan Pendidikan. Kajian ini hanya memberi fokus kepada pelajar tahun akhir yang telah menamatkan pengajian dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS, KK kerana mereka merupakan antara golongan yang sedang berada di fasa mencari pekerjaan semasa pandemik Covid-19. Keadaan ini secara tidak langsung telah mendorong mereka untuk kerap menggunakan laman rangkaian sosial untuk mencari kerja.

Sehubungan dengan itu, skop kajian ini juga ditumpukan bagi mengetahui laman rangkaian sosial yang digunakan oleh pelajar tahun akhir sebagai medium untuk mencari pekerjaan, mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar tahun akhir dalam menggunakan media sosial sebagai medium mencari pekerjaan dan mengkaji persepsi pelajar tahun akhir terhadap penggunaan media sosial dalam mencari pekerjaan. Oleh itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada laman rangkaian sosial yang digunakan, cabaran-cabaran yang dihadapi dan persepsi pelajar tahun akhir dalam menggunakan laman rangkaian sosial.

## **1.8 Definisi Operasional**

### **1.8.1 Media sosial**

Media sosial ialah laman atau aplikasi yang membenarkan pengguna untuk mencipta dan berkongsi kandungan atau untuk melibatkan diri dalam rangkaian sosial.

### **1.8.2 Laman rangkaian sosial**

Laman rangkaian sosial merujuk kepada penggunaan laman media sosial berasaskan Internet untuk kekal berhubung dengan keluarga, rakan dan pelanggan. Tujuan rangkaian sosial digunakan adalah sama ada untuk bersosial ataupun berniaga melalui platform *Facebook*, *Twitter*, *LinkedIn*, *Instagram* dan sebagainya.

### **1.8.3 Pelajar**

Pelajar ialah individu yang belajar di universiti atau di tempat lain yang menawarkan pengajian tinggi. Selain itu, pelajar juga boleh dirujuk sebagai murid, penuntut atau mahasiswa.

### **1.8.4 Cabaran**

Cabaran ialah rintangan atau tahap kesukaran yang dihadapi oleh diri sendiri. Cabaran juga boleh menguji kemampuan dan ketabahan seseorang.

### **1.8.5 Persepsi**

Persepsi merupakan satu tanggapan yang wujud terhadap sesuatu keadaan, persekitaran, benda dan manusia.

## **1.9 Susunan Bab**

Secara keseluruhannya, pada pendahuluan bab iaitu bab 1, perbincangan kajian telah dimulai dengan menerangkan latar belakang kajian tentang penggunaan laman rangkaian sosial untuk mencari kerja secara atas talian. Permasalahan kajian juga dilakukan oleh pengkaji bagi mengkaji dan melihat isu-isu semasa dan perkara yang berlaku pada masa kini berkenaan dengan laman rangkaian sosial untuk mencari kerja terutamanya yang dilihat relevan dengan tajuk kajian yang dipilih. Sebab kajian ini dijalankan dengan memilih pelajar tahun akhir sebagai subjek bagi melaksanakan kajian ini juga telah dijelaskan di dalam permasalahan kajian yang dilakukan.

Berkenaan dengan subjek utama kajian iaitu pelajar tahun akhir universiti, pengkaji telah menetapkan sebanyak tiga persoalan kajian yang ingin diketahui iaitu apakah laman rangkaian sosial yang digunakan oleh pelajar tahun akhir untuk mencari pekerjaan. Seterusnya, apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar tahun akhir dalam menggunakan laman rangkaian sosial sebagai medium yang digunakan untuk mencari kerja dan yang terakhir iaitu apakah persepsi pelajar tahun akhir terhadap medium yang digunakan untuk mencari kerja. Selain itu, pengkaji juga telah menerangkan kepentingan dan skop kajian dalam bab ini. Bagi aspek pendefinisian pula, setiap perkataan yang penting turut dijelaskan dalam bab 1 untuk